

Bersaing memang sihat tapi boleh ancam perpaduan

PENDAPAT ANDA

PERPADUAN dalam masyarakat Melayu-Islam amatlah penting bagi peningkatan pencapaian dan taraf kehidupan. Tetapi apakah ia benar-benar wujud dalam masyarakat kita? **PERKATUAN MUDA MUDA ISLAM**

Jika kita membaca akhbar dan mendengar berita, tentu kita mengetahui tentang pelbagai pertubuhan yang bersaing antara satu dengan lain. Yang masih hangat diperkatakan ialah persaingan antara Mendaki dengan Persatuan Karyawan Islam (AMP).

Baru-baru ini timbul pula kisah Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dan Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit). Tidak lama dulu ialah masalah kepimpinan Majlis Pusat yang dipersoalkan oleh badan-badan kerabat.

Mendaki, yang memusatkan perhatian dalam bidang pelajaran, ekonomi dan sosial, disaing oleh AMP dalam menggunakan sumber dan kepakaran kecil khususnya dalam masyarakat Melayu-Islam.

Persisi dan Perwanit mengadakan seminar silat dalam waktu yang begitu dekat manakala isu kepimpinan Majlis Pusat masih belum terhurai ekoran perletakan jawatan beberapa anggota jawatankuasa.

Persaingan adalah baik

demikian perkembangan masyarakat Melayu-Islam. Pada masa yang sama, ia juga boleh menimbulkan permusuhan dan mengancam perpaduan. - 6 NOV 1991

Kini mungkin keretakan belum begitu mendalam, tapi tanda-tanda perpecahan telah mula timbul. Selagi tiada pihak yang cuba memperbaiki keadaan itu, masalah akan menimpa masyarakat Melayu-Islam.

Kenapakah ini terjadi:

Pertama, ialah sikap mementingkan kumpulan sendiri dan menganggap kumpulan mereka lebih baik kerana sifat 'kekitaan' yang keterlaluan.

Kedua, ialah pertikaian antara orang perseorangan terutama dalam kumpulan yang berlainan, yang akhirnya pertikaian itu melibatkan kumpulan masing-masing.

Ketiga, ialah perasaan dengki dan iri hati terhadap kemajuan orang lain.

Bagaimanapun, perkara keempat dan terakhir ialah perbuatan 'menikam dari belakang' yang tidak begitu nyata dengan sebab kemungkinan, matlamat yang ingin dicapai adalah sama walau-

pun cara dan kaedah yang dijalankan berbeza.

Mungkin kajian yang lebih besar dan menyeluruh dapat dijalankan agar pokok masalah itu dapat ditentukan dan diikuti dengan saranan bagi penyelesaiannya.

Masyarakat kita harus mula memikirkan hal ini dan cuba mencari huraianya.

Haji Sidek Saniff, Menteri Negara (Pelajaran), pernah membayangkan kegelisahan beliau terhadap persaingan antara Mendaki dengan AMP serta berdoa agar perkara yang tidak diingini tidak akan berlaku.

Beberapa pihak juga telah menyeru pihak Persisi dan Perwanit agar jangan sampai 'bersilat' antara satu sama lain, dan akhir sekali agar Majlis Pusat menjernihkan air yang keruh dan seterusnya mengembalikan kepercayaan badan-badan kerabat serta masyarakat Melayu-Islam akan kewibawaannya.

Marilah kita kembali sandarkan prinsip hidup kita kepada pepatah ini, 'Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh'.

MOHAMMAD NOOR
ABDUL RAHMAN
Singapore 1646